



Tegas tangani penceroboh



PEJABAT Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bertindak tegas dalam menangani masalah pencerobohan tanah milik kerajaan negeri dan Persekutuan apabila sebanyak 481 fail direkodkan bagi tempoh lima tahun bermula 2015.

Menurut Pegawai Kanan Penempatan PPTG WPKL, Junainah Ramly, daripada jumlah itu, 86 fail yang dibuka adalah dari Januari hingga Julai tahun ini dengan kebanyakan kes adalah pendudu-

kan secara tidak sah melibatkan rumah-rumah ibadat, kilang, bengkel, restoran, kedai makan dan sebagainya.

Tegas Junainah, tindakan yang diambil adalah selaras dengan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) yang mana penceroboh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun jika disabitkan kesalahan.

BERITA LANJUT DI MUKA 2

Wilayahku bakal lancar portal berita baharu

PUTRAJAYA – Dalam usaha untuk terus merancakkan berita-berita berkaitan Wilayah Persekutuan kepada pembaca di *Wilayahku* bakal memperkenalkan ruangan portalnya yang boleh dilayari di laman www.wilayahku.com.my.

Lebih interaktif, mudah, cepat, bergaya serta mesra pengguna, portal *Wilayahku* turut menyajikan berita-berita semasa termasuk isu melibatkan jenayah, bencana, ekonomi dan sukan.

Portal *Wilayahku* juga menampilkan beberapa elemen baharu termasuk video dan mempunyai pautan kepada rangkaian media sosial.

Pengenalan portal berkenaan selaras dengan usaha

menarik segmen pembaca dalam kalangan orang muda selain meluaskan liputan berita ke seluruh negara.

Pelancaran portal itu juga atas permintaan pembaca-pembaca dari luar kawasan Wilayah Persekutuan yang ingin mendapatkan maklumat mengenai perkembangan aktiviti masyarakat ibu kota.

Portal tersebut turut membolehkan pembaca memuat turun akhbar *Wilayahku* versi format PDF (portable document format).

Pelancaran portal *Wilayahku* dijadual disempurnakan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad di Putrajaya pada 19 Ogos ini.

Pada majlis sama, timbal-

annya, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh akan melancarkan buku '365 Hari Mengurus Transisi Memenuhi Harapan' karya Khalid.

Buku tersebut merupakan terbitan Kementerian Wilayah Persekutuan dengan kerjasama akhbar *Wilayahku*.

Wilayahku merupakan akhbar yang diurus terbit oleh Wilayah Media Sdn. Bhd., anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan. Ia telah dilancarkan oleh Menteri Wilayah Persekutuan pada 4 Januari lalu.

Akhbar mingguan tersebut diedarkan secara percuma di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dengan tagline 'media warga kota'.



PORTAL *Wilayahku* yang bakal dilancarkan mampu meluaskan segmen pembaca melibatkan golongan muda dan warga di luar Wilayah Persekutuan.

PPTG WPKL ambil tindakan tegas bangunkan premis tidak sah di tapak milik kerajaan

481 fail ceroboh tanah dibuka

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
 Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR – Sebanyak 481 fail berhubung pencerobohan tanah milik kerajaan negeri dan Persekutuan direkodkan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PPTG WPKL) bagi tempoh lima tahun bermula 2015.



JUNAINAH

Daripada jumlah itu, 86 fail yang dibuka adalah dari Januari hingga Julai tahun ini dengan kebanyakan kes adalah pendudukan secara tidak sah melibatkan rumah-rumah ibadat termasuk kilang, bengkel, restoran, kedai makan dan sebagainya.

Difahamkan mengikut pecahan, sebanyak 77 fail direkodkan pada 2018; 113 fail (2017 dan 2016) serta 92 fail pada 2015.

Menurut Pegawai Kanan Penempatan PPTG WPKL, Junainah Ramly, pihaknya



KERJA merobohkan premis yang dibina di atas tanah milik kerajaan tanpa izin oleh PPTGWPKL.

sering mendapat aduan berhubung pembinaan rumah ibadat dan apabila siasatan dilakukan, ia dibina di atas tanah milik kerajaan tanpa izin.

"Kita juga berhadapan dengan beberapa kekanagan ketika mengendalikan kes berkaitan rumah ibadat dan tidak kurang cemuhan serta spekulasi daripada warganet yang suka menokok tambah cerita tanpa mengetahui hal sebenar," katanya kepada *Wilayahku* di sini baru-baru ini.

Tegas Junainah, tindakan yang diambil adalah bertepatan dengan Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) yang mana penceroboh boleh dikenakan denda tidak melebihi RM500,000 atau penjara tidak lebih lima tahun sekiranya disabitkan kesalahan.

Ujar beliau, proses yang dilakukan juga mengikut lunas undang-undang iaitu siasatan tapak dilakukan terlebih dahulu selepas aduan diterima disusuli laporan tanah serta surat pemberita-



KERJA-KERJA operasi di tapak oleh pihak PPTGWPKL sering diganggu terutamanya oleh pemilik premis yang membantah.

huan pengosongan tapak.

"Selepas semua prosedur tersebut dilakukan, baru kita lakukan operasi penguatkuasaan. Bagaimanapun, kita juga mengamalkan prinsip kemanusiaan.

"Sebagai contoh, di kawasan setingan, kita membantu penghuninya mendapatkan rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) terlebih dahulu sebelum mengambil tindakan roboh walaupun mengikut akta, mereka tidak layak menerima sebarang pampasan

atau gantian daripada kerajaan," tegasnya.

Mengulas tentang jumlah fail yang dilihat sedikit, Junainah berkata, satu fail bukan bererti hanya terdapat satu kes sahaja sebaliknya beberapa kes yang direkodkan diletakkan di dalam fail yang sama sekiranya lokasi kes adalah berhampiran.

"Terdapat banyak kes di dalam fail yang dikendalikan tetapi apabila direkodkan, kes yang berada di lokasi sama akan dimasukkan di bawah satu fail," jelasnya.

Nadzirah selesa bergelar jurukamera

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com

KEBIASAANNYA karier sebagai jurukamera didominasi kaum lelaki, kini seiring dengan kepesatan teknologi dan perubahan zaman, sesuatu pekerjaan tidak lagi didominasi oleh sesuatu gender sahaja, maka tugas menjadi jurukamera juga telah mula dikendalikan oleh golongan wanita.

Bagi Nadzirah Yazid 23, beliau tidak pernah menganggap karier sebagai jurukamera sebagai sukar, namun kerana minat menyebabkan dia lebih bersemangat menjalani kehidupan sebagai seorang jurukamera wanita.

"Sejujurnya, mungkin terdapat stigma adakah wanita seperti saya juga mampu untuk bekerja sebagai jurukamera seperti lelaki.

"Namun untuk mengendalikan peralatan kamera yang datang dengan pelbagai teknologi terkini, ia tidak menjadi masalah kepada golongan wanita untuk menjadikan jurukamera sebagai satu karier" katanya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Kata Nadzirah lagi, dia telah menyim-

pan cita-cita untuk menjadi jurukamera sejak berumur 16 tahun.

"Ketika itu saya telah dijemput ke set penggambaran untuk sebuah program televisyen," ujarnya.

Jelas Nadzirah lagi, beliau melanjutkan pelajaran ke Kolej Islam Antarabangsa (IIC) di ibu negara setelah menamatkan pengajian peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Saya mengambil kursus Multimedia dan Animasi di peringkat Diploma.

"Saya juga pernah menjalani latihan amali di syarikat Vision Works Sdn. Bhd. milik Datuk Afdlin Shauki," katanya.

"Dari situ, saya terlibat secara langsung dengan krew produksi dan seterusnya menguatkan lagi minat untuk menjadi jurukamera," katanya.

Kata Nadzirah lagi, antara pengalaman yang tidak dapat dilupakan adalah mengutip pengalaman bersama Yadi Sugandi, seorang sinematographer terkenal daripada Indonesia yang bertanggung jawab menjadi pengarah sinematografi untuk filem 'Laskar Pelangi'.

"Saya merasa sangat bertuah, kerana beliau seorang yang mesra dan melayani setiap pertanyaan saya sebagai 'orang

baharu' dalam dunia produksi.

"Beliau turut memberikan tunjuk ajar dalam pengendalian kamera serta kemahiran sinematografi supaya kualiti filem yang dihasilkan mendapat tempat di hati penonton," katanya.

Anak kedua dari empat beradik ini berkata, walaupun ketika ini dipertanggungjawabkan untuk mencipta dan menyunting video-video pendek, ia sama sekali tidak melemahkan semangatnya untuk terus belajar demi menghasilkan karya yang berkualiti.

"Walau perjalanan masih jauh, saya menganggap cabaran yang mendatang akan mematangkan saya dalam dunia produksi ini.

"Saya bersyukur kerana kehadiran jurukamera wanita tidak pernah didiskriminasi, sebaliknya mendapat sokongan dari rakan-rakan jurukamera lelaki," katanya lagi.



Mahasiswa Universiti Malaya jayakan program Celik IT bersama pelatih PPDK Sentosa Dekati murid pendidikan khas

KUALA LUMPUR – Sekumpulan pensyarah dan mahasiswa Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Universiti Malaya (UM) turun padang menjayakan program Celik IT bersama guru dan pelatih di Pertubuhan Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) Sentosa di sini baru-baru ini.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada aktiviti di bawah geran penyelidikan komuniti oleh Pusat Komuniti dan Kelestarian UM (UMCares).

Pensyarah kanan Jabatan Sistem Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UM, Dr. Nor Liyana Mohd. Shuib yang juga ketua penyelidik program berkata, para sukarelawan telah berkongsi kemahiran mengendalikan program



AHMAD (depan, empat dari kanan) bergambar bersama sukarelawan dan peserta program Celik IT yang diadakan di PPDK Sentosa, Kuala Lumpur baru-baru ini.

dan aplikasi komputer kepada 40 orang pelatih melalui pelbagai aktiviti termasuklah pengeditan gambar, pembangunan laman web dan sesi kraf tangan.

"Kemahiran mengendalikan komputer mampu menjadi alat bantuan pembelajaran untuk pelatih di

sini terutamanya dari aspek kemahiran motor.

"Program dan aplikasi yang diperkenalkan juga mampu dijadikan platform untuk mereka melakukan refleksi dan menyerlahkan sisi mereka yang mungkin sukar dilakukan dengan kekangan fizikal yang dialami," katanya

kepada Wilayahku baru-baru ini.

Nor Liyana berkata, penyelidikan yang turut melibatkan penyelidik dari UiTM Cawangan Perak dan Sunway College Ipoh itu menyasarkan penggunaan perisian komputer kepada murid-murid keperluan khas

yang mempunyai masalah kesihatan seperti autisme, lemah pembelajaran, kelainan upaya fizikal, ADHD dan lain-lain.

"Selain keperluan penyelidikan, program ini juga merupakan salah satu inisiatif perkongsian ilmu antara universiti dan komuniti. Kepada para petugas di PPDK Sentosa, kemahiran teknologi maklumat yang diterima boleh digunakan dalam mengurus dan mengemas kini maklumat dan aktiviti seharian," katanya.

Kata Nor Liyana lagi, program ini turut menyumbangkan komputer riba, alat tulis dan modul pembelajaran kepada PPDK Sentosa yang disampaikan kepada Pengerusi PPDK Sentosa, Laksamana Pertama Datuk Ahmad Harun.